



SULIT

Bilangan Kami : JPPPW/POL/2500/02

1 Julai 2014

Pemegang Lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang

Tuan/Puan,

**PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN – PERATURAN DI BAWAH
AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN
PEMBIAYAAN KEGANASAN 2001 (AMLATFA)**

Bank Negara Malaysia ingin memaklumkan bahawa perintah pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) yang berikut telah dikeluarkan berkuatkuasa 27 Mei 2014:

- (i) Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Penggunaan Bahagian IV) 2014 yang berkaitan dengan tanggungjawab pemegang lesen untuk mematuhi keperluan usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*).
(Lampiran 1)
- (ii) Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan Jadual Kedua) 2014 yang menyenaraikan kesalahan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang tanpa lesen sebagai salah satu kesalahan berat di bawah AMLATFA.
(Lampiran 2)

2. Sehubungan dengan itu, semua pemegang lesen diingatkan supaya sentiasa mematuhi keperluan AML/CFT. Bank Negara Malaysia akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan terhadap peraturan-peraturan di bawah AMLATFA.

Sekian.

Yang benar,

(Shahariah Othman)

Pengarah

Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang